

PENGARUH JENIS PERSONALITI TERHADAP PENGLIBATAN MASYARAKAT DALAM PROGRAM HOMESTAY KAMPUNG PARIT PENGHULU, MELAKA

Md Sirat Abu, Kalsom Kayat & Hamidi Ismail

ABSTRAK

Program homestay dilancarkan secara rasminya pada tahun 1995 oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan seperti menyediakan kursus, latihan dan bantuan, agar personaliti masyarakat dapat memenuhi keperluan untuk menjayakan program terlibat. Walau bagaimanapun, penglibatan masyarakat setempat dalam program homestay masih menunjukkan kelemahannya. Hal ini diandaikan berpunca daripada jenis personaliti ahli masyarakat. Tujuan kajian adalah untuk menilai pengaruh jenis personaliti terhadap penglibatan masyarakat dalam program homestay di Kampung Parit Penghulu, Sungai Rambai, Melaka. Kajian ini memeriksa aspek personaliti iaitu keterbukaan, berhemah, peramah, bertolak ansur dan ketidakstabilan emosi. Kajian menggunakan soal selidik dan seramai 101 orang ahli masyarakat terlibat. Responden dipilih dengan menggunakan teknik pensampelan kluster berdasarkan jenis kediaman. Dapatan kajian mendapati jenis personaliti keterbukaan, berhemah, peramah dan bertolak ansur adalah tinggi pada aras setuju iaitu sekitar 4.2 berdasarkan Skala Likert. Namun, bagi masyarakat yang diuji dengan aspek ketidakstabilan emosi pula tinggi pada Skala Likert 2.25 atau kurang bersetuju yang menunjukkan emosi mereka adalah baik. Oleh itu, kajian mendapati bahawa jenis-jenis personaliti tidak sepenuhnya menggambarkan tahap penglibatan masyarakat dalam program homestay. Hal ini mungkin disebabkan oleh penglibatan dalam program komuniti banyak dipengaruhi oleh lain-lain faktor seperti keagamaan, budaya, cara hidup, sikap, tingkah laku dan pandangan diri seseorang terhadap sesuatu perkara. Dengan demikian, kajian mencadangkan agar dasar berkaitan homestay dan pelancongan sedia ada perlu dilihat kembali kelemahannya supaya dapat memastikan semua anggota masyarakat memberikan kerjasama sewajarnya pada masa akan datang. Ini kerana, personaliti masyarakat sedia ada pada hari ini masih mempunyai kebaikan yang boleh dimanfaatkan oleh pihak berkaitan.

Kata kunci: Homestay, Big Five Factor, Pembangunan Komuniti, Penglibatan Masyarakat, Personaliti.

Pengenalan

Semenjak program homestay diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1988 dan dilancarkan secara rasminya pada tahun 1995, pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan seperti menyediakan kursus, latihan dan bantuan, agar personaliti masyarakat dapat memenuhi keperluan untuk menjayakan program homestay. Walau bagaimanapun, penglibatan masyarakat kampung dalam program homestay masih menunjukkan kelemahannya. Hal ini diandaikan berpunca daripada jenis personaliti masyarakat itu sendiri yang lemah dalam menjayakan program homestay meliputi aspek openness (keterbukaan), conscientiousness (berhemah), extraversion (peramah), agreeableness (bertolak ansur) dan neuroticism (ketidakstabilan emosi). Sedangkan, personaliti merupakan perkara asas dalam menentukan kejayaan sesebuah program homestay yang dianjurkan oleh sesuatu pihak. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai pengaruh jenis personaliti terhadap penglibatan masyarakat dalam program homestay.

Program homestay merupakan suatu usaha penting yang harus diberikan perhatian oleh kerajaan kerana boleh memberikan sumbangan penting kepada peserta dan sektor pelancongan. Program ini diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia pada tahun 1988 sebagai satu usaha mempelbagaikan produk pelancongan. Malah, program homestay dapat memberikan kelainan kepada para pelancong berbanding dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh chalet atau hotel. Menurut Anowar et al. (2011) dan Jabil Mapjabil, et al. (2011), kelainan yang dimaksudkan adalah perkhidmatan berbentuk pengalaman gaya hidup berdasarkan budaya masyarakat sama ada dari segi masakan, permainan tradisional, cara hidup, persekitaran atau kegiatan ekonomi setempat. Sejak program homestay dilancarkan pada tahun 1988, ia terbukti memberikan manfaat kepada masyarakat

khususnya dan negara amnya. Ini selaras dengan matlamat program itu sendiri yang bertujuan untuk meningkatkan ekonomi masyarakat luar bandar di bawah Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar (Kalsom Kayat & Nor Ashikin Mohd Nor, 2006; Melaka Hari Ini, 2011). Bahkan, dengan adanya program homestay masyarakat luar bandar dapat melibatkan diri secara aktif bagi memperoleh pendapatan sampingan dan boleh menjana peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Sumber pekerjaan yang boleh diwujudkan seperti pengusaha homestay, pengurusan homestay dan penyedia perkhidmatan sokongan atau keperluan homestay melibatkan bahan keperluan masakan, pentadbiran, persembahan budaya dan juru pandu sekiranya pelancong memerlukannya untuk melawat kawasan setempat. Kejayaan program homestay terbukti benar berdasarkan statistik Kementerian Pelancongan Malaysia (2012) iaitu pada tahun 2011 jumlah kedatangan pelancong ke homestay mencatatkan seramai 254, 981 orang berbanding tahun 2010 hanya seramai 196, 472 orang.

Konsep homestay di Malaysia sepertimana ketetapan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia (2012) ialah sebuah program yang memfokuskan kepada gaya hidup dan pengalaman, termasuk budaya tempatan yang diamalkan dan corak kegiatan ekonomi masyarakat. Namun, Rivers (1998) pula mentakrifnya berdasarkan konteks negara lain sebagai satu bentuk pelancongan iaitu pengunjung menyewa bilik daripada keluarga tempatan bagi mempelajari gaya hidup tempatan serta meningkatkan keupayaan bahasa. Walau bagaimanapun, konsep homestay menjurus kepada tarikan budaya, perpaduan sosial, sumber asli dan juga keistimewaan ekosistem setempat merupakan faktor utama dalam menentukan permintaan dan kejayaan homestay. Pemilik homestay bukan bermotifkan keuntungan tinggi kerana ia bukan suatu perniagaan komersil. Sebaliknya, perkhidmatan dan perniagaan homestay lebih kepada kepentingan pertukaran budaya. Dalam kajian beliau, program homestay biasanya berkisar tentang acara kekeluargaan seperti makan di luar, menikmati taman hiburan, perkhemahan dan lawatan. Menurut Amran Hamzah (2010), homestay adalah satu bentuk pengalaman baharu iaitu para pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah untuk berinteraksi, memahami cara hidup tempatan, mempelajari warisan budaya setempat dan mengalami suasana perkampungan. Menurut Mohamad Zaki Ahmad dan Johan Afendi Ibrahim (2011), nama program homestay telah lama digunakan sejak tahun 80an lagi dan masih kekal digunakan sehingga kini. Walau bagaimanapun, istilah program inap desa juga membawa maksud dan konsep yang sama dengan program homestay. Menurut mereka, inap desa yang berlainan tempat akan menawarkan aktiviti berbeza berdasarkan ciri-ciri tempatan seperti lokasi, budaya, makanan dan aktiviti ekonomi. Oleh itu, konsep homestay secara keseluruhannya menekankan aspek hubungan bersifat kekeluargaan, pengalaman gaya hidup, pengalaman berbahasa dan pengalaman menghayati sumber asli.

Personaliti merupakan satu daripada cabang psikologi yang mengkaji perbezaan individu. Bidang kajian personaliti termasuklah membina gambaran jelas tentang individu, menyiasat perbezaan individu yang dikatakan unik dan menyiasat sifat yang sama dalam diri manusia. Secara umumnya, personaliti boleh ditakrif sebagai satu set ciri-ciri yang dinamik dan teratur dimiliki oleh seseorang, seterusnya mempengaruhi unsur kognitif, emosi, motivasi dan tingkahlaku melalui pelbagai situasi. Perkataan personaliti itu sendiri pada asalnya daripada perkataan persona (dalam Bahasa Latin) bermaksud topeng yang digunakan bagi tujuan menyembunyikan identiti sebenar pelakon atau menggambarkan watak yang hendak dilakonkan. Menurut Winnie dan Gittinger (1973), personaliti merujuk kepada corak pemikiran, perasaan, pelarasan sosial dan tingkahlaku yang konsisten dipamerkan oleh individu sepanjang masa yang mempengaruhi jangkaan mereka, persepsi diri, nilai-nilai dan sikap. Sehingga kini, tiada persepakatan tentang takrif personaliti dalam bidang psikologi. Allport dan Odbert (1933) menyifatkan dua cara utama untuk mengkaji personaliti iaitu pertama secara terperinci bagi kajian sains semula jadi yang bersifat objektif. Kedua, berdasarkan kemanusiaan iaitu menerangkan usaha untuk memahami makna fenomena luar jangka, unik dan sering bersifat subjektif. Namun, bagi Carver dan Scheier (2008) serta Leung dan Law (2010), personaliti merupakan suatu yang konsisten berkenaan dengan diri seseorang manusia dan melibatkan bagaimana manusia bertingkah laku dalam kehidupan seharian. Ini bermaksud bahawa personaliti berkaitan dengan tingkah laku manusia dalam kehidupan seharian yang sama sepanjang masa. Oleh itu, personaliti melibatkan aspek tentang kognitif, emosi, motivasi dan tingkahlaku seseorang anggota masyarakat terhadap sesuatu perkara. Walau bagaimanapun, kajian personaliti berdasarkan Model BFF melibatkan lima aspek utama iaitu keterbukaan, berhemah, peramah, bertolak ansur dan ketidakstabilan emosi.

Ulasan Literatur

Bahagian ini dibahagikan kepada dua iaitu perbincangan tentang Big Five Factor (BFF) dan kerangka konsep kajian.

Big Five Factor

Dalam bidang psikologi, terdapat suatu model penting yang disebut sama ada sebagai BFF, BFM, FFM atau sering juga disebut sebagai "Lima Besar" mampu menggambarkan personaliti manusia berdasarkan faktor keterbukaan, berhemah, peramah, bertolak ansur dan ketidakstabilan emosi. Model kajian ini tidak asing dalam kalangan pengkaji personaliti kerana sering digunakan bagi menentukan personaliti seseorang. Antara pengkaji yang sering menggunakan model ini seperti Trull dan Geary (1997), Lodhi, et al. (2002), McCrae (2002), De Fruyt, et al. (2004) serta De Fruyt, et al. (2006). Keistimewaan BFF ini adalah mampu mengukur personaliti seseorang yang pelbagai menggunakan lima faktor tanpa bertindih antara faktor ukurannya. Malah, istimewanya model ini setiap faktor mempunyai ciri-ciri yang jelas disenaraikan sebagai panduan penggunaannya. Umpamanya, keterbukaan melibatkan ciri-ciri pemikiran kreatif, waras, berfikiran suka akan perubahan, suka patuh kepada sesuatu yang baik, seni, idea-idea yang luar biasa dan rasa ingin tahu. Faktor berhemah pula melibatkan suatu sifat suka berhati-hati iaitu melakukan sesuatu perkara dengan teratur, suka akan ketepatan, prihatin, berdisiplin, sikap, taat, suka mencapai matlamat dan boleh dipercayai. Faktor peramah pula melibatkan suka akan suatu pengalaman di luar, mempunyai emosi positif, tegas, suka bergaul, suka bercakap dan suka bertindak segera. Faktor bertolak ansur pula mesra, belas kasihan, suka akan kerjasama dengan orang lain. Ketidakstabilan emosi pula merujuk kepada kestabilan emosi dan kawalan sistem saraf yang rendah seperti tidak mampu mengawal tekanan dan sensitif atau pasif.

BFF dari segi sejarahnya, didorong oleh penemuan penyelidikan tentang ciri-ciri dan struktur personaliti manusia berdasarkan bahasa kebanyakan masyarakat di seluruh dunia (Eysenck, 1992; Goldberg, 1981). Kajian-kajian yang dilakukan berjaya mengenal pasti beratus-ratus ciri personaliti manusia, namun akhirnya dikelaskan kepada hanya lima sahaja. Model awal kajian personaliti diwujudkan oleh Ernest Tupes dan Raymond Christal pada tahun 1961 tetapi gagal untuk mencapai persetujuan para akademik sehingga tahun 1980-an (Tupes & Christal, 1961). Pada tahun 1990, J.M. Digman pula mengkajinya secara terperinci dalam masyarakat dengan mengelaskannya hanya kepada lima faktor dan turut juga digunakan dalam pengurusan organisasi oleh L.R. Goldberg (Goldberg, 1993). Kelima-lima faktor domain merupakan suatu berbentuk umum dan menyeluruh mengandungi golongan personaliti yang dianggap mewakili struktur asas semua personaliti manusia (O'Connor, 2002). Lima faktor tersebut merupakan suatu kerangka konsep yang mengintegrasikan semua penemuan penyelidikan dan teori dalam psikologi personaliti.


Kepelbagaian penyelidikan yang dilakukan bagi membentuk BFF ini dicontohi dengan sekurang-kurangnya empat kajian pelbagai bentuk atau skop penyelidikan selama beberapa dekad. Umpamanya, Tupes & Christal (1961) merupakan orang pertama yang memulakannya, diikuti oleh Goldberg (1982) di Institut Penyelidikan Oregon, Cattell, et al. (1957) di Universiti Illinois dan Costa dan McCrae (1976) di Institut Kesihatan Kebangsaan. Keempat-empat penyelidikan menggunakan kaedah yang agak berbeza dalam mencari lima ciri. Oleh kerana itu, setiap lima faktor yang dikaji mempunyai nama dan definisi yang agak berbeza kerana BFF mempunyai ciri-ciri yang luas dan menyeluruh, maka model tidak mampu meramal dan menerangkan personaliti manusia dengan jelas. Lain-lain penyelidikan terkini menggunakan BFF adalah dijalankan oleh Ellis (2003), Young dan Corsun (2008), O'Neill dan Xiao (2010), Sung dan Choi (2009), Jani (2011), Tok (2011), Joshanloo dan Afshari (2011), Rivers et al. (1992) serta Mohd Taufik Zimri @ Zamri, et al. (2012). Kajian-kajian yang dijalankan oleh mereka adalah menggunakan BFF dalam pelbagai bidang atau skop kajian yang menunjukkan bahawa terdapat sebilangan pengkaji masih percaya bahawa BFF mampu menjadi pengukur penting dalam menentukan personaliti seseorang. Oleh sebab itu, maka model ini dikritik oleh pelbagai pihak. Banyak penyelidikan telah dijalankan menggunakan BFF dan hasilnya terdapat pandangan bahawa model ini sesuai dijadikan asas kajian personaliti dan tidak kurang terdapat juga kritikan terhadapnya yang menyatakan ia tidak mampu meramal ciri-ciri personaliti manusia. Pengkritik berhujah bahawa BFF tidak mampu meramal atau menjelaskan semua personaliti manusia. Satu lagi kritikan yang kerap dilontarkan adalah BFF bukan bersandarkan kepada teori tertentu,

sebaliknya ia berorientasikan hasil kajian berdasarkan data statistik atau analisis faktor. Oleh itu, ia lemah kerana tidak mementingkan sandaran teori tertentu.

Secara terperinci, kritikan sering dilontarkan berkaitan dengan metodologi pembentukan model yang hanya berasaskan analisis faktor bagi mengenal pasti struktur dimensi personaliti manusia. Proses pembentukan model ini sering dicabar kerana tidak mempunyai asas yang universal dan diiktiraf oleh mana-mana teori (Eysenck, 1992). Penyelesaian rumusan kepada hasil kajian BFF hanya bersandarkan kepada tafsiran oleh penganalisis daripada perolehan analisis statistik. Satu kritikan lagi berdasarkan bukti yang hanya bersandarkan kepada laporan kaji selidik yang mungkin kurang tepat atau berlaku pemalsuan fakta dan jawapan. Sekiranya berlaku pemalsuan fakta atau jawapan pastinya memberikan kesan terhadap skor jawapan dan menjejaskan ramalan personaliti (Goldberg, 1990). Walau bagaimanapun, satu cara bagi mengurangkan masalah kurang soalan ujian bagi menggambarkan personaliti seseorang, menurut Harms (2012) ia boleh ditangani dengan mempelbagaikan soalan dan jumlah soalan juga ditambah agar menjadi lebih menggambarkan personaliti seseorang. Malah, skop model yang terhad kerana mengabaikan faktor lain seperti keagamaan, tarikan seksual, politik, kejujuran, kekayaan dan budaya (Paunonen & Jackson, 2000; Paunonen, et al. 2003). Malah menurut McAdams (1995), lain-lain aspek yang sukar dinilai dalam diri seseorang juga adalah kelemahan model ini kerana manusia penuh dengan kepelbagaian seperti aspek perasaan dan kadang-kala suka menyembunyikan perkara tertentu dalam dirinya.

Kerangka Konseptual kajian

Kerangka konseptual dalam Rajah 1 menunjukkan bahawa kajian personaliti berdasarkan Model BFF melibatkan lima jenis personaliti iaitu keterbukaan, berhemah, peramah, bertolak ansur dan ketidakstabilan emosi. Berdasarkan perbincangan dalam bab ini mendapati, jenis personaliti mempunyai hubungan dengan penglibatan masyarakat sepertimana dalam program homestay. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kajian personaliti dan pengaruhnya terhadap penglibatan masyarakat dalam program homestay ditentukan oleh jenis personaliti masyarakat yang merangkumi aspek keterbukaan, berhemah, peramah, bertolak ansur dan ketidakstabilan emosi.



Rajah 1. Kerangka konseptual kajian

Keterbukaan

Keterbukaan adalah menghargai seni, emosi, penerokaan sesuatu yang baharu, idea yang luar biasa, imaginasi, rasa ingin tahu dan pelbagai pengalaman baharu (Goldberg, 1993). Seseorang yang terbuka kepada pengalaman, intelektual, ingin tahu, menghargai seni, dan sensitif kepada kecantikan adalah dianggap sebagai

sesuatu yang baik, tidak tertutup, lebih kreatif dan lebih peka perasaan orang lain. Terdapat hubungan antara etika dan keterbukaan kepada pengalaman seperti sokongan terhadap toleransi antara kaum. Satu lagi ciri kognitif keterbukaan adalah kesediaan diri untuk berfikir dalam simbol yang abstrak iaitu jauh dari pengalaman konkrit. Seseorang yang mempunyai skor rendah terhadap keterbukaan akan cenderung untuk melakukan sesuatu yang konvensional atau menekankan kepentingan tradisional. Mereka lebih suka berfikir kosong, mencari yang mudah dan suka akan kesamaran. Mereka mungkin menganggap seni atau sains dan teknologi dengan cara syak wasangka atau tidak menarik. Oleh itu, keterbukaan melibatkan enam aspek penting yang saling berkait iaitu bersifat menghargai segala aspek kesenian, memiliki emosi yang baik terhadap sesuatu perkara, gemar kepada perubahan dalam hidup, memiliki idea yang bernas, sentiasa ingin tahu terhadap sesuatu perkara dan sensitif dengan perubahan yang berlaku dalam persekitaran hidupnya.

Berhemah

Berhemah pula adalah sifat berhati-hati, kecenderungan untuk menunjukkan disiplin diri, taat dan bertujuan untuk mencapai langkah-langkah dan matlamat di luar jangkaan (Goldberg et al., 2006; Thompson, 2008). Sifat ini juga merupakan perlakuan berdasarkan perancangan teliti dan bukannya secara spontan. Ia melibatkan cara bagaimana mengawal, mengatur dan mengarahkan saraf psikomotor untuk menjalankan sesuatu perkara. Sifat ini mempunyai trend tertentu iaitu purata peningkatan sifat berhati-hati jelas dalam kalangan orang muda dan kemudian menurun dari kalangan orang dewasa yang lebih tua. Oleh itu, kesemua aspek dalam personaliti berhemah ini dapat dirumuskan bahawa seseorang perlu memiliki watak yang berdisiplin, petuh kepada keperluan masyarakat atau pihak tertentu, mempunyai matlamat yang baik untuk menjayakan sesuatu perkara dan suka berhati-hati atau cermat dalam menjalankan sesuatu perkara. Kesemua aspek tersebut perlu disepadukan agar dapat mewujudkan perwatakan seseorang berhemah.

Peramah

Peramah berdasarkan emosi positif dan berkecenderungan untuk mendapatkan rangsangan daripada pihak lain. Sifat ini ditandai dengan penglibatan jelas terhadap dunia luar iaitu menikmati sesuatu yang dimiliki oleh orang lain dan mereka melihat orang lain sebagai sumber semangat atau tenaga (Jung, 1995; Thompson, 2008). Mereka cenderung untuk bersemangat, sekiranya orang yang dianggap penuh tenaga tersebut menyatakan "Jom!" atau "Ayuh kita lakukan!" kepadanya. Dalam kumpulan pula, mereka suka bercakap, menegaskan diri mereka sendiri dan menarik perhatian kepada diri sendiri (mereka ini dikenali sebagai extroverts). Seseorang yang memiliki skor tinggi dalam peramah pada ujian personaliti adalah memiliki kehidupan berkumpulan seperti bersama dengan orang lain, mengambil bahagian dalam perjumpaan sosial dan terdapat suntikan semangat. Seseorang yang rendah dalam peramah adalah individu yang kurang keluar bersosial dan lebih selesa bekerja sendiri atau disebut sebagai introverts. Oleh itu, watak seorang yang peramah dalam personaliti sebagaimana perbincangan di atas dapat dirumuskan sebagai seorang yang memerlukan rangsangan luar semasa bersosial, suka bercakap, malah pada masa yang sama pula bersemangat dan suka menarik perhatian ramai.

Bertolak Ansur

Bertolak ansur adalah kecenderungan untuk mempunyai sifat belas kasihan dan sifat ini mencerminkan kebimbangan untuk keharmonian sosial (Thompson, 2008). Mereka biasanya jenis seorang yang bertimbang rasa, mesra, membantu, murah hati dan bersedia untuk berkerjasama demi kepentingan orang lain (Graziano & Eisenberg, 1997). Walaupun tolak ansur berkaitan dengan sikap positif, ia menjadi negatif sekiranya dihubungkan dengan kemahiran asas kepimpinan. Mereka sering menyuarakan pendapat dalam persekitaran satu pasukan dan cenderung untuk bergerak atas kapasiti kedudukannya. Mereka umumnya kurang menjalankan kerja bagi pihak lain atau orang lain. Kadang-kadang mereka ragu dengan pihak lain yang menyebabkannya tidak mesra dan kurang memberikan kerjasama. Seseorang mempunyai tolak ansur yang tinggi dalam ujian personaliti adalah biasanya terkenal, mesra dan bijaksana. Umumnya, seseorang yang suka bertolak ansur mempunyai pandangan optimis, memiliki sifat kemanusiaan dan bergaul baik dengan orang lain. Sekiranya seseorang mendapat skor rendah bagi sifat tolak ansur, mungkin meletakkan kepentingan diri di atas kesusahan orang lain. Mereka cenderung untuk menjadi jauh, tidak mesra dan kurang memberikan kerjasama (Matsumoto & Juang, 2012). Walau bagaimanapun, daripada perbincangan di atas watak seseorang yang bertolak ansur ditandai dengan sentiasa bersedia dan suka membantu sekiranya memerlukan pertolongan.

Malah, seseorang yang bertolak ansur juga turut mempunyai idea yang bernas, mesra, pemurah, bertimbang rasa, kadang kala menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan. Namun, pada masa yang sama seseorang yang bertolak ansur masih menyimpan perasaan ragu tentang sikapnya itu. Kesemua watak bertolak ansur tersebut saling berkait antara satu sama lain dalam diri seseorang.

Ketidakstabilan Emosi

Ketidakstabilan emosi adalah kecenderungan memiliki emosi negatif seperti kemarahan, kebimbangan atau kemurungan (Matthews & Deary, 1998; Thompson, 2008). Menurut Eysenck (1967), personaliti ketidakstabilan emosi saling berkait dengan toleransi rendah terhadap tekanan atau rangsangan berkaitan dengan tidak menyukai sesuatu perkara. Mereka yang mendapat skor tinggi dalam ketidakstabilan emosi, perasaannya adalah reaktif dan terdedah kepada tekanan. Bahkan, mereka lebih cenderung untuk mentafsir situasi yang biasa seakan-akan mengancam dan membawa kekecewaan yang kecil. Reaksi emosi yang negatif akan berterusan bagi tempoh masa yang panjang dan ini bermakna mereka sering berada dalam suasana kecewa atau tertekan. Contoh, ketidakstabilan emosi berkaitan dengan pendirian pesimis terhadap kerja iaitu menyatakan kerja menghalang kebebasan peribadi. Menurut Goldberg, et al. (2006) dan Hettema, et al. (2006), individu yang mempunyai skor rendah dalam ketidakstabilan emosi bersifat kurang marah dan kurang emosi reaktif serta mereka cenderung untuk menjadi tenang, emosi stabil dan bebas daripada perasaan negatif yang berterusan. Oleh itu, dapat difahami bahawa ketidakstabilan emosi berkait rapat dengan watak seseorang yang bersifat pemaarah, bimbang, murung dan mudah tertekan dengan sesuatu keadaan yang mendesak. Kesemua watak tersebut wujud dalam diri seseorang secara berkait yang akhirnya menunjukkan reaksi tertentu seperti cemas, menggeletar dan tingkahlaku yang tidak sepatutnya.

Penglibatan Masyarakat

Penglibatan masyarakat merupakan suatu yang diharapkan oleh kerajaan demi manfaat masyarakat dan pada masa yang sama boleh menjana pendapatan kepada negara. Penglibatan awam didefinisikan sebagai tindakan perkongsian bagi pembentukan polisi dan cadangan untuk melakukan sesuatu perkara atau program. Menurut Pateman (1970), penglibatan juga merupakan penyertaan aktif orang ramai dan pihak perancangan dalam menganalisis masalah sendiri serta merangka dan melaksanakan penyelesaian masalah. Tosun (2000a; 2000b), mendefinisikan penglibatan sebagai satu bentuk tindakan sukarela yang mana individu mengambil peluang dan memikul tanggung jawab kemasyarakatan. Penglibatan adalah satu proses di mana masyarakat bekerjasama dengan penggerak pembangunan dan melibatkan diri dalam usaha pembangunan yang akhirnya akan memberikan kesan terhadap keadaan dan taraf hidup sendiri. Berdasarkan pendapat Levy-Leboyer (1982), kajian penglibatan sebaik-baiknya menggunakan pendekatan psikologi kerana melibatkan sikap dan tingkah laku anggota masyarakat. Dengan kata lain, kajian penglibatan menurut Lal Goel (1975) melibatkan elemen kepercayaan dan sikap terhadap sesuatu isu.

Safal Ghimire dan Bisnu Raj Upreti (2011) berpendapat, penglibatan yang baik antara pelbagai pihak dalam menjayakan sesuatu program boleh memberikan peluang pekerjaan, menambah pendapatan peserta, meningkatkan imej, meningkatkan kemajuan sesebuah kawasan dan sebagainya. Menurut Dawson (1980), Hunt dan Lal Goel (1980), Lal Goel (1980) serta Lal Goel dan Smith (1980), penglibatan boleh dilihat menerusi dua keadaan iaitu bersifat konvensional dan bukan konvensional. Cara konvensional ini merupakan kaedah yang boleh dilakukan oleh masyarakat secara sah dan tidak membahayakan negara dari segi imej, ekonomi dan sosial. Sebaliknya, bukan konvensional pula satu cara yang mampu mengancam masyarakat dan negara kerana bersifat kekerasan seperti tunjuk perasaan. Walau bagaimanapun, Timothy (1999) melihat penglibatan melalui dua aspek iaitu proses membuat keputusan di kalangan komuniti serta faedah yang dibawa oleh pembangunan bagi anggota komuniti atau masyarakat. Kedua-dua aspek tersebut penting bagi seseorang anggota masyarakat melibatkan diri dalam sesebuah aktiviti atau program yang dianjurkan oleh pihak tertentu. Menurut Getz (1986) dan Murphy (1985), sesetengah anggota masyarakat memberikan sokongan moral terhadap program tertentu. Tanpa sokongan moral, sesebuah program yang diatur akan menunjukkan kegagalan pada peringkat masyarakat.

Bagi Fariborz Aref (2011), Mowforth dan Munt (1998) serta Pretty (1995), penglibatan yang baik daripada pihak masyarakat seharusnya bersandarkan kepada inisiatif masyarakat itu sendiri yang menentukan sama ada

mereka sedar akan kepentingannya atau sebaliknya. Penglibatan yang baik perlu menggabungkan tiga unsur penting iaitu sumber dan objektif projek, tahap penglibatan masyarakat serta tahap perkongsian kuasa dan tanggungjawab bagi menentukan tahap atau peringkat penglibatan masyarakat. Jenis penglibatan manipulatif merupakan tahap rendah kerana hampir keseluruhannya dikawal oleh pihak lain, lantas menyebabkan penglibatan menjadi terbatas. Tahap penglibatan tinggi adalah pergerakan secara sendirian kerana ia berdasarkan motivasi atau dorongan dalaman seseorang. Oleh itu, penglibatan masyarakat dalam sesuatu program perlu menekankan aspek inspirasi, moral, tindakan, memastikan mereka memperoleh faedah, tanpa dipengaruhi oleh kepentingan pihak lain serta melibatkan pelbagai pihak. Oleh itu, penglibatan yang baik seharusnya memiliki inisiatif diri, memiliki rasa tanggung jawab, wujud kepercayaan antara satu sama lain, bersikap baik, mempunyai program yang sistematik, memiliki motivasi diri yang tinggi, mementingkan perasaan kesukarelaan, kerjasama baik dengan pelbagai pihak, penyertaan yang aktif dan mendapat sokongan moral dari semua pihak. Kesemua perkara tersebut memiliki perkaitan antara satu sama lain agar erti penglibatan lebih menyeluruh

Pemilihan Kawasan Kajian

Melaka adalah sebuah negeri yang amat terkenal dengan sektor pelancongan bertaraf antarabangsa kerana banyak tinggalan sejarah yang menjadi tarikan pelancong. Pada waktu ini, suatu pendekatan baharu telah dilakar oleh kerajaan bagi menarik pelancong dalam suasana yang memberikan kelainan iaitu dengan memperkenalkan program pelancongan homestay. Satu-satunya kampung yang terkenal dengan program homestay di Melaka adalah Parit Penghulu kerana memiliki tarikan tersendiri seperti sawah padi yang terluas di Melaka, penggunaan teknologi dalam sistem pengairan dan penanaman padi, kampung yang selesa serta aman daripada jenayah, kemajuan yang memberangsangkan selaras dengan Melaka Maju 2010.

Kampung ini juga terkenal dengan kemajuan program homestay di Melaka sehinggakan memperoleh pendapatan tahunan yang tertinggi berbanding kawasan lain di Melaka. Umpamanya, pada tahun 2012 sahaja jumlah pendapatan daripada program homestay mencatat perolehan sebanyak RM 994, 700 atau 52 peratus daripada pendapatan pelancongan bagi keseluruhan Negeri Melaka. Menurut JKKK (2013), bilangan kedatangan pelancong juga memperlihatkan bahawa kampung ini menerima kedatangan pelancong asing seramai 8917 orang dan dalaman seramai 6414 orang. Jumlah pelancong asing mahupun dalaman ini menunjukkan angka paling ramai berbanding dengan lain-lain kawasan di Negeri Melaka pada tahun 2012. Ini jelas menunjukkan bahawa, pendapatan pelancongan daripada program homestay adalah baik dan signifikan bagi aktiviti pelancongan kawasan Kampung Parit Penghulu. Oleh itu, pemilihan Kampung Parit Penghulu amat bertepatan dengan kajian homestay kerana namanya sangat terkenal dalam lakaran destinasi pelancongan kepada seseorang yang ingin mencari kelainan tempat kediaman mahupun aktiviti pelancongan selain daripada hotel dan chalet.

Metodologi Kajian

Persampelan

Kampung Parit Penghulu merupakan kampung terbesar dalam Mukim Sungai Rambai Tengah merangkumi sebanyak 325 buah rumah yang terdiri daripada rumah jenis batu (158 buah), kayu (87 buah) dan separuh batu (80 buah). Jenis-jenis rumah tersebut menjadi asas persampelan kajian masyarakat secara kluster. Memandangkan jumlah masyarakat dan keluarga yang agak kecil dalam kampung ini, maka pengkaji menggunakan kaedah edaran borang kaji selidik kepada semua ketua keluarga mengikut jenis kediaman. Sebanyak 325 buah rumah diedarkan borang kaji selidik dan pengkaji hanya mendapat kembali borang yang lengkap diisi sebanyak 101 set atau sebanyak 31 peratus daripada bilangan kediaman. Sejumlah 101 set kaji selidik yang diperolehi itu adalah usaha yang diambil setelah tiga kali percubaan menemui ketua isi rumah dilakukan oleh pengkaji serta pembantu penyelidik. Jumlah tersebut menurut Dixon dan Leach (1978) sudah memadai bagi analisis statistik iaitu tidak kurang daripada 10 peratus daripada populasi kajian (iaitu jumlah kediaman) dan mampu mewakili jumlah populasi kajian. Malah, menurut Mohd Majid Konting (1990) jumlah minimum sampel yang boleh dan sesuai dijalankan ujian statistik adalah sekurang-kurangnya 100 responden

atau sampel. Oleh itu, jumlah sampel yang diambil adalah bertepatan menurut pendapat Dixon dan Leach (1978) dan Mohd Majid Konting (1990). Secara keseluruhannya, jumlah sampel kajian yang diperoleh mengikut jenis kediaman dan digunakan bagi kajian ini adalah rumah batu (30 sampel), rumah separa kayu (30 sampel) dan rumah kayu (41 sampel).

Pengambilan sampel responden berdasarkan kediaman penting kerana dapat mengurangkan masalah pungutan data dilapangan. Dalam proses kutipan data kaji selidik, kebarangkalian borang tidak lengkap diisi akan berlaku yang menyukarkan pengkaji melengkapkan kembali borang tersebut. Oleh itu, dengan mengambil sampel ketua isi rumah yang berada dalam sesebuah kediaman, maka peluang memperbaiki borang kaji selidik yang 'rosak' masih ada. Ini berbeza dengan mengambil sampel responden di tempat awam yang menyukarkan pengkaji memperbaiki borang kaji selidik yang 'rosak' sekiranya terjadi kerana mustahil responden yang sama dapat dilibatkan kembali dalam kaji selidik. Proses kutipan data kaji selidik di lapangan dilakukan dengan menggunakan pembantu penyelidik yang dilatih khusus untuk mengendalikan kajian ini. Perkara yang penting adalah pengkaji memastikan setiap borang kaji selidik sedaya upaya diperoleh semula sepenuhnya atau dalam peratusan tertentu yang bersesuaian. Malah, memastikan setiap borang kaji selidik yang diperoleh adalah lengkap diisi oleh responden. Sekiranya wujud masalah tertentu, maka pengkaji meminta bantuan penyelia semasa kajian lapangan bagi mendapatkan nasihat dan pandangan.

Kajian Rintis, Kebolehpercayaan dan Normaliti

Kajian rintis terhadap masyarakat mendapati kebolehpercayaan item ujian adalah sesuai (acceptable level) dengan nilai Cronbach's Alpha mencatat 0.978. Malah, berdasarkan analisis korelasi spearman antara item ujian juga menunjukkan terdapat pertalian yang baik iaitu antara 0.67 hingga 0.86. Oleh itu, borang kaji selidik sesuai digunakan dan pengkaji mengambil keputusan tidak mengubah item ujian sedia ada bagi kajian sebenar. Dari segi ujian taburan normal, data statistik pula memperlihatkan signifikan pada aras 0.04 bagi Ujian Kolmogorov-Smirnov (K-S) dan signifikan pada aras 0.03 bagi Ujian Shapiro Wilks (SW). Oleh itu, berdasarkan kebolehpercayaan item ujian kaji selidik serta statistik yang bertaburan normal di bawah had maksimum 0.05, maka set kaji selidik yang sama dengan ujian rintis digunakan untuk kajian sebenar (iaitu sebanyak 30 set borang kaji selidik). Borang kaji selidik diadaptasi daripada Carver dan Scheier (2008) serta DiRenzo (1978). Namun, kebolehpercayaan set item ujian disemak menggunakan ujian Cronbach's Alpha, korelasi spearman dan Ujian K-S serta SW.

Analisis Data

Analisis purata (\bar{x}) atau secara deskriptif digunakan bagi tujuan kajian pertama dan kedua. Bagi tujuan kajian pertama, analisis purata digunakan untuk menilai tahap penglibatan masyarakat terhadap program homestay secara umum berdasarkan 15 item ujian dalam Bahagian B borang kaji selidik. Tujuan kajian kedua pula melihat perbezaan jenis personaliti dalam konteks tahap penglibatan masyarakat dalam program homestay. Analisis dilakukan dengan menentukan nilai purata bagi setiap jenis personaliti keterbukaan, berhemah, peramah, bertolak ansur dan ketidakstabilan emosi. Analisis purata menetapkan bahawa, sekiranya nilai adalah tinggi iaitu antara 4 hingga 5 berdasarkan Skala Likert bagi jenis personaliti keterbukaan, berhemah, peramah dan bertolak ansur, maka ia menggambarkan tahap penglibatan atau jenis personaliti masyarakat adalah baik. Sebaliknya, bagi jenis personaliti ketidakstabilan emosi pula sedikit berbeza iaitu melihat kepada Skala Likert 1 hingga 3 kerana menunjukkan nilai yang lebih positif. Kaedah analisis berdasarkan nilai purata ini juga pernah dijalankan oleh pengkaji terdahulu seperti Blau dan Barak (2012) dan Ellis (2003) berkaitan dengan hubungan jenis personaliti dengan penglibatan masyarakat dalam sesuatu program.

Hasil Kajian

Perbincangan hasil kajian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bukti penglibatan yang masih rendah dan hasil kajian utama tentang pengaruh jenis personaliti terhadap penglibatan masyarakat dalam program homestay.

Tahap Penglibatan Masyarakat dalam Program Homestay

Analisis terhadap tahap penglibatan masyarakat dalam program homestay mendapati daripada 15 item ujian hanya memperoleh nilai purata setinggi 2.97 (hampir kepada nilai purata 3 iaitu sederhana terlibat) iaitu sederhana terlibat. Umpamanya, “Memberikan cadangan penambahbaikan kualiti perkhidmatan homestay”, “Akan memberikan kerjasama sekiranya diperlukan”, “Mempamerkan sikap yang baik kepada penghuni atau pelancong homestay” dan “Menjaga persekitaran supaya kekal bersih dan menarik demi kemajuan pelancongan homestay”. Kesemua contoh penglibatan responden itu menggambarkan bahawa mereka tidak terlibat dengan sepenuhnya sepertimana konsep penglibatan yang dimaksudkan dalam kajian lepas. Dapat difahami bahawa, personaliti yang ada dalam diri responden kurang jelas dan tidak bersungguh-sungguh membantu pengusaha homestay mahupun pihak kerajaan. Tahap penglibatan mereka hanya sekitar sederhana terlibat berkaitan dengan inisiatif diri, tanggungjawab, penyertaan aktif, kerjasama, kesukareaan, kepercayaan, program yang sistematik dan penyertaan aktif bagi menjayakan program homestay.

Malah, terdapat satu daripada 15 item ujian yang menunjukkan kurang terlibat iaitu “Membantu pihak pengusaha homestay dari segi promosi kepada pihak luar” dengan nilai purata serendah 2.48 iaitu menghampiri nilai purata 2 (kurang terlibat). Keadaan ini mungkin disebabkan oleh peranan promosi dipikul oleh kerajaan dan pihak pengusaha homestay. Masyarakat dilihat kurang memainkan fungsi tersebut disebabkan mungkin sikap mereka yang tidak mahu mengambil tanggungjawab bersama dengan pihak kerajaan dan pengusaha homestay. Oleh itu, konsep penglibatan berasaskan inisiatif diri, tanggungjawab, penyertaan aktif, kerjasama, kesukareaan dan penyertaan aktif dalam konteks promosi kurang terdapat dalam diri para responden secara menyeluruh.

Secara keseluruhannya, analisis purata menunjukkan bahawa tahap penglibatan responden dalam program homestay masih lemah kerana ditandai dengan nilai purata hanya setinggi kira-kira 3 bagi hampir kesemua item ujian. Malah, sekiranya merujuk kepada konsep penglibatan yang digariskan dalam definisi konseptual menunjukkan tidak semua kriteria yang dinyatakan dilakukan dengan sepenuh hati. Hal ini mungkin disebabkan oleh sikap responden yang lebih gemar membantu sekiranya diperlukan, diminta atau diarahkan oleh pihak tertentu. Barangkali juga, akan terlibat sepenuhnya dan rasa terpenggil andai terdapat manfaat yang jelas kepada mereka dalam apa juga bentuk imbuhan. Seterusnya, bahagian berikut akan melihat secara lebih dekat tahap penglibatan masyarakat dalam program homestay berdasarkan aspek umur dan pendapatan isirumah.

Pengaruh Jenis Personaliti terhadap Penglibatan Masyarakat dalam Program Homestay

Perbincangan dibahagikan kepada lima jenis personaliti iaitu keterbukaan, berhemah, peramah, bertolak ansur dan ketidakstabilan emosi.

Keterbukaan

Berdasarkan kepada hasil kajian menunjukkan bahawa nilai purata bagi pengaruh jenis personaliti keterbukaan terhadap penglibatan responden dalam program homestay adalah pada tahap 4 atau “Setuju”. Oleh itu, responden adalah bersikap terbuka, kreatif dan menghargai perasaan pihak lain. Malah, sekiranya terdapat pihak tertentu yang memerlukan pertolongan, maka mereka sanggup memberikan bantuan atau khidmat. Dengan kata lain, mereka bersetuju sekiranya diri diminta terlibat dalam program homestay. Buktinya, sifat keterbukaan mereka dapat dilihat menerusi 10 item ujian yang menunjukkan nilai purata dalam lingkungan adalah 4 (Setuju) melalui Skala Likert. Secara keseluruhannya, analisis jelas menunjukkan bahawa jenis personaliti keterbukaan adalah baik sekiranya diri mereka dilibatkan dalam program homestay. Dalam konteks jenis personaliti masyarakat menerusi hasil analisis menunjukkan bahawa sifat masyarakat yang terbuka atau kreatif mampu mewujudkan tahap penglibatan yang agak baik berdasarkan ukuran keterbukaan pada skala 4.

Berhemah

Hasil ujian terhadap 10 item ujian berkaitan dengan jenis personaliti berhemah mendapati nilai purata masih menunjukkan pada skala 4 atau “Setuju” untuk mereka terlibat dalam program homestay sekiranya dijemput oleh pihak berkenaan. Berdasarkan maksud berhemah itu sendiri jelas menunjukkan bahawa masyarakat adalah

mereka yang bersifat cermat, berhati-hati dan berdisiplin. Keadaan ini mendorong masyarakat memainkan peranan dengan baik dalam keterlibatan mereka menerusi program ini sekiranya pihak tertentu memerlukan penglibatan mereka. Buktinya, daripada sebanyak 10 item ujian, hampir keseluruhannya adalah mempunyai purata jawapan pada skala 4 dan berdasarkan Skala Likert ia menjelaskan penglibatan masyarakat dalam program ini dari jenis personaliti berhemah adalah baik, walaupun tidak cemerlang sehingga skala 5. Malah, dari aspek jumlah keterlibatan masyarakat juga menunjukkan pengelompokan responden yang tinggi berada pada aras "Sederhana Setuju" hingga "Sangat Setuju" atau dalam kumpulan Skala Likert antara 3-5. Oleh itu, hasil analisis jelas menunjukkan bahawa jenis personaliti berhemah adalah baik dan ini mungkin didorong oleh sifat masyarakat itu sendiri yang berpersonaliti baik seperti berhati-hati, berdisiplin dan mempunyai matlamat dalam hidup mereka.

Peramah

Melalui hasil analisis nilai purata terhadap jenis personaliti peramah juga mendapati masih berada pada skala 4 atau "Setuju" sekiranya mereka dilibatkan dalam program homestay. Daripada sebanyak 10 item ujian yang ditunjukkan melalui jelas mempamerkan bahawa nilai purata bagi jenis personaliti peramah adalah baik berpandukan Skala Likert. Keadaan ini mungkin didorong oleh sifat peramah itu sendiri yang ada dalam diri masyarakat seperti berfikiran positif, suka bercakap, memberikan pendapat dan tidak segan memberikan bantuan kepada pihak lain sekiranya memerlukan bantuan. Oleh sebab itu, maka nilai purata bagi jenis personaliti peramah dalam diri masyarakat agak baik kerana apa sahaja item ujian yang dibangkitkan semasa kaji selidik mereka bersetuju demi kejayaan program ini. Malah, taburan masyarakat juga menunjukkan pola pengelompokan responden berada pada aras "Sederhana Setuju" hingga "Sangat Setuju", namun nilai purata cenderung kepada aras "Setuju". Ini sekaligus menjelaskan bahawa ramai daripada responden adalah extrovert dan bukannya jenis introvert dalam konteks pemilikan personaliti diri mereka. Secara keseluruhannya, masyarakat bagi kawasan ini mempunyai personaliti jenis extrovert seperti berdisiplin, tegas, taat tidak malu meminta pertolongan sekiranya perlu dan tidak kisah memberikan bantuan kepada pihak lain. Sifat-sifat inilah menyebabkan nilai purata bagi keseluruhan item ujian berada pada aras "Setuju" atau baik dalam konteks penglibatan mereka menjayakan program homestay.

Bertolak Ansur

Hasil kajian terhadap jenis personaliti bertolak ansur masih menunjukkan penglibatan mereka dalam program homestay adalah baik dengan nilai purata mencatat bacaan pada skala 4 atau "Setuju". Sebanyak 10 item ujian jelas menunjukkan pola persetujuan masyarakat yang baik sekiranya mereka dilibatkan bersama oleh pihak tertentu untuk membangunkan program homestay. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh sifat personaliti mereka yang bertolak ansur merangkumi aspek terdapatnya perasaan belas ehsan terhadap pihak lain, bertimbang rasa, mesra, membantu dan bersedia untuk berkerjasama dengan pihak lain untuk kejayaan sesuatu program. Dari aspek jumlah keterlibatan masyarakat dalam program ini juga, trend bersetuju untuk membangunkan dan menjayakan program ini agak tinggi dalam kumpulan "Sederhana Setuju" hingga "Sangat Setuju" atau Skala Likert antara aras 3-5. Sekaligus juga menggambarkan bahawa pengelompokan kumpulan masyarakat yang ingin akan kejayaan program ini adalah baik dengan purata keterlibatan mereka sekitar nilai purata 4. Oleh itu, jenis personaliti bertolak ansur masyarakat adalah baik dalam menyokong program homestay dan keadaan ini mungkin disebabkan oleh sifat masyarakat itu sendiri yang baik seperti wujud perasaan membantu, bertimbang rasa, suka berkerja sama, berorientasikan kepentingan semua pihak dan suka akan kejayaan.


Ketidakstabilan Emosi

Analisis bagi jenis personaliti ketidakstabilan emosi pula berbeza situasinya kerana ia menguji masyarakat berdasarkan perspektif negatif dalam diri berkaitan dengan penglibatan masyarakat program homestay. Sekiranya hasil ujian menggambarkan semakin tinggi aras keterlibatan mereka dalam program homestay ke arah skala 5 atau "Sangat Setuju", maka masyarakat terlibat adalah bersifat neurotic iaitu mempunyai masalah psikologi atau sikap. Namun, sekiranya nilai purata ujian semakin tinggi pada skala rendah atau skala 1 (Tidak Setuju), maka menunjukkan semakin baik psikologi atau emosi mereka. Daripada 10 item ujian yang diuji, jelas menunjukkan fokus jawapan tertumpu kepada nilai purata sekitar skala 2 atau "Kurang Setuju" responden berkaitan dengan aspek neurotic. Keadaan ini menjelaskan bahawa, jenis personaliti ketidakstabilan emosi tidak

wujud dalam kalangan masyarakat. Oleh kerana itu, maka lain-lain jenis personaliti adalah baik disebabkan dari kalangan responden tidak menghadapi masalah neurotic.

Perbincangan Hasil

Daripada hasil ujian purata jelas menunjukkan bahawa taburan masyarakat yang pemilik jenis personaliti keterbukaan, berhemah, peramah dan bertolak ansur adalah tinggi pada aras “Sederhana Setuju”, “Setuju” dan “Sangat Setuju” (purata 4.2). Namun, bagi masyarakat yang diuji dengan aspek ketidakstabilan emosi pula rendah pada skala “Setuju” dan “Sangat Setuju” (purata 2.25) iaitu menandakan mereka berfikiran baik atau memiliki emosi yang stabil selaras dengan ujian personaliti berkaitan dengan sifat keterbukaan, berhemah, peramah dan bertolak ansur. Dengan sebab itulah, maka nilai purata ujian mendapati masyarakat mempunyai jenis personaliti sekitar skala 4 iaitu “Setuju” sekiranya mereka dilibatkan dalam program homestay. Secara keseluruhannya, analisis jelas menunjukkan bahawa terdapat keseragaman nilai purata jenis personaliti responden dalam konteks penglibatan. Kejayaan program homestay di Kampung Parit Penghulu ini mungkin dipacu oleh personaliti masyarakat yang baik dari aspek keterbukaan, berhemah, peramah, bertolak ansur dan ketidakstabilan emosi yang mempengaruhi penglibatan masyarakat (Rajah 2). Oleh itu, setiap jenis personaliti yang terdapat dalam diri masyarakat mempunyai kekuatan yang hampir sama antara satu sama lain berdasarkan ukuran nilai purata. Analisis juga mendapati bahawa masyarakat mempunyai nilai-nilai yang baik untuk menjayakan sebarang program berkaitan dengan pembangunan homestay.



Rajah 2. Pengaruh jenis personaliti terhadap penglibatan masyarakat dalam program homestay

Namun, keadaan sebaliknya berlaku dalam analisis purata antara jenis personaliti dan pengaruhnya terhadap penglibatan masyarakat dalam program homestay. Kajian mendapati, masyarakat memiliki jenis personaliti yang baik dan sekaligus menolak andaian dalam pernyataan masalah dan kajian terhadap keadaan semasa tahap penglibatan yang didapati masih lemah. Hasil kajian ini agak menarik kerana terdapat dua isu yang berbeza antara kajian keadaan semasa tahap penglibatan dan jenis personaliti masyarakat. Walau bagaimanapun, antara tahap penglibatan sebenar dengan jenis personaliti masyarakat merupakan perkara berbeza. Tidak semestinya tahap penglibatan rendah berpunca daripada jenis personaliti yang lemah. Hal ini berlaku disebabkan oleh kemungkinan masyarakat gagal melibatkan diri kerana mungkin tidak dilibatkan bersama, tiada manfaat tertentu sekiranya terlibat atau tiada program bersesuaian dengan kemampuan mereka. Secara amnya, jenis personaliti masyarakat adalah baik dan kebaikan watak yang ada dalam setiap anggota masyarakat perlu dimanfaatkan untuk menjayakan program ini. Masyarakat akan melibatkan diri dengan baik sekiranya pihak terlibat dengan program ini meminta kerjasama atau bantuan. Mereka tidak keberatan untuk menyumbangkan pendapat, kerjasama dan segala aspek berbentuk fizikal atau fikiran.

Oleh itu, kajian mendapati jenis personaliti masyarakat tidak menentukan kelemahan penglibatan masyarakat secara jelas mungkin disebabkan terdapat lain-lain faktor yang terdapat dalam diri manusia itu sendiri seperti sikap, tingkahlaku, keagamaan, budaya, politik, seksual dan urusan lain dalam kehidupan individu yang dianggap lebih penting (Paunonen & Jackson, 2000; McAdams, 1995). Malah, sekiranya dilihat kembali dalam kerangka konseptual didapati bahawa konsep yang terdapat menerusi jenis-jenis personaliti tidak sepenuhnya menggambarkan tahap penglibatan masyarakat dalam program homestay. Maka, kajian merumuskan bahawa andaian dalam permasalahan kajian adalah tidak benar kerana penglibatan masyarakat dilihat tiada kaitan dengan jenis personaliti masyarakat secara jelas.

Implikasi Dasar

Program homestay merupakan satu daripada aktiviti komuniti yang bertujuan untuk membangunkan ekonomi masyarakat. Program ini berkonsepkan pertukaran budaya, bahasa, cara masakan, penghayatan nilai setempat dan secara umumnya lebih kepada pertukaran budaya antara kaum, bangsa dan cara hidup. Menurut Fariborz Aref (2011) serta Saheb Zadeh dan Nobaya Ahmad (2010), memandangkan program ini bersifat komuniti, maka kejayaan sesuatu program perlu dilihat secara lebih menyeluruh. Kajian berkaitan jenis personaliti hanya sebahagian daripada kajian sosio-psikologi dan komuniti. Walau bagaimanapun, dalam kedua-dua bidang ini perkara pokok adalah peranan masyarakat itu sendiri kerana tanpa penglibatan masyarakat, masalah dalam sesebuah program akan wujud. Program pembangunan homestay pada masa akan datang perlu dilihat kembali kerana kejayaan yang dicapai seperti Homestay Kampung Parit Penghulu, bukannya disebabkan oleh penglibatan dan jenis personaliti masyarakat yang baik. Sebaliknya, kejayaan yang ditempa adalah hasil usaha bantuan kerajaan dengan penyediaan promosi, bantuan kewangan, prasarana dan khidmat nasihat. Kejayaan sebaiknya adalah masyarakat yang memiliki jenis personaliti baik dan disertai pula dengan tahap penglibatan masyarakat yang tinggi. Dengan lain perkataan, jenis personaliti yang baik perlu selaras dengan tahap penglibatan masyarakat yang tinggi. Bagi mencapai hasrat tersebut, maka masyarakat, pihak pengusaha homestay dan agensi kerajaan terlibat perlu berkerjasama.

Implikasi kajian terhadap dasar berkaitan dengan industri pelancongan adalah penting supaya langkah penambahbaikan kepada proses pembangunan homestay di Malaysia amnya dan Kampung Parit Penghulu khususnya dapat dilakukan. Ini kerana, pertimbangan yang baik dan teliti diharapkan dapat menghindari pelbagai masalah dalam mencapai kejayaan program homestay. Sekiranya melihat kepada agenda pembangunan nasional, sektor pelancongan adalah penyumbang yang besar kepada pendapatan negara. Oleh kerana itu, maka pihak kerajaan di bawah agensi atau jabatan tertentu perlu prihatin dalam membangunkan sektor pelancongan, termasuklah program homestay di seluruh negara. Ia bukan suatu perancangan yang terpinggir kerana telah dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan serta dasar berkaitan dengan pelancongan yang terdapat pada peringkat negara mahupun negeri. Sekiranya terdapat masalah dalam pelaksanaan program berkaitan dengan pembangunan homestay sudah pasti ia akan menjatuhkan imej industri pelancongan negara. Dengan demikian, ia perlu diperkasa agar kelangsungan perkhidmatan ini dapat menyumbang kepada peningkatan sosio-ekonomi rakyat dan negeri. Bagi tujuan tersebut aspek jenis personaliti masyarakat yang baik perlu diterjemahkan kepada tahap penglibatan yang lebih baik bagi mencapai kejayaan secara menyeluruh. Masalah penglibatan masyarakat yang rendah boleh dielakkan sekiranya jenis personaliti yang ada pada masa kini diterjemahkan dengan kaedah yang lebih praktikal seperti sering mengadakan perbincangan antara masyarakat, pengusaha dan agensi terlibat. Oleh itu, dasar berkaitan homestay dan pelancongan sedia ada perlu dilihat kembali kelemahannya agar dapat memastikan semua anggota masyarakat dapat memberikan kerjasama sewajarnya pada masa akan datang.

Kesimpulan

Penglibatan masyarakat dalam program pembangunan homestay merupakan pengukuran yang sangat diperlukan untuk mencapai kejayaan. Bagi tujuan tersebut setiap perbuatan atau sikap yang negatif terhadap kehadiran homestay perlu dikikis pada generasi masa kini dan akan datang kerana ia tidak menguntungkan semua pihak, mahupun negara. Pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan melalui kementerian terlibat seperti kempen, pameran luar negara dan promosi untuk mewujudkan iklim perkhidmatan dalam sektor pelancongan.

Oleh kerana itu, setiap usaha yang dilakukan oleh kerajaan seharusnya dibalas dengan baik dan ikhlas oleh masyarakat supaya kewujudan nikmat tersebut menjadi suatu kegembiraan yang berterusan. Sekiranya terdapat sikap masyarakat yang pasif atau kurang membantu sektor ini untuk berkembang maju seharusnya dihindari dan kelemahan yang wujud seharusnya diperbaiki terutamanya dalam konteks latar belakang dan jenis personaliti diri. Pada hakikatnya, personaliti adalah suatu yang wujud dalam diri seseorang, malah sangat penting dididik dengan baik supaya setiap insan mempunyai kekuatan dalam apa jua pekerjaan atau suasana kehidupan. Ini amat berguna bagi tujuan mewujudkan modal insan kelas pertama dalam sektor pembangunan homestay.

Rujukan

- Allport, G.W. & Odbert, H.S. (1933). Trait names: A psycholexical study. *Psychological Monographs* 47(1).
- Amran Hamzah. (2010). Malaysian homestays from the perspective of young Japanese tourist: The quest for furusato. CIPD Monograf 2. Universiti Teknologi Malaysia : Skudai.
- Anowar, H.B., Chamhuri, S., Shaharuddin, M.I. & Rabiul, I. (2011). The role of home stay for ecotourism development in East Coast Economic Region. *American Journal of Applied Sciences* 8(6), 540-546.
- Blau, I. & Barak, A. (2012). How do personality, synchronous media and discussion topic affect participation? *Educational Technology & Society* 15(2), 12-24.
- Carver, C. & Scheier, M. (2008). *Perspective on personality*. Edisi Keenam. Boston: Pearson.
- Cattell, R.B., Marshall, M.B. & Georgiades, S. (1957). Personality and motivation: Structure and measurement. *Journal of Personality Disorders* 19(1), 53–67.
- Costa, P.T. & McCrae, R.R. (1976). Age differences in personality structure: A cluster analytic approach. *Journal of Gerontology* 31(5), 564–570.
- Dawson, K.S. (1980). Political socialization and behaviour. Dlm. Smith, D.H., Macaulay, J. & Associates (pnyt.). *Participation in social and political activities*, hlm. 84-107. New York: John Wiley & Sons.
- De Fruyt, F., De Clercq, B.J., de Wiele, L. & Van Heeringen, K. (2006). The validity of Cloninger's psychobiological model versus the five-factor model to predict DSM-IV personality disorders in a heterogeneous psychiatric sample: Domain facet and residualized facet descriptions. *Journal of Personality* 74(2), 479–510.
- De Fruyt, F., McCrae, R.R., Szirmák, Z. & Nagy, J. (2004). The Five-Factor personality inventory as a measure of the Five-Factor Model. Belgian, American and Hungarian comparisons with the NEO-PI-R. *Assessment* 11(3), 207–215.
- DiRenzo, G.J. (1978). Personality typologies and modes of social change. *Social Behaviour and Personality* 6(1), 11-16.
- Dixon, C.J. & Leach, B. (1978). *Questionnaires and interviews in geographical research*. London: Institute of British Geographers.
- Ellis, A.E. (2003). Personality type and participation in networked learning environment. *Education Media International* 40:1/2, 101-114.
- Eysenck, H.J. (1967). *The biological basis of personality*. Springfield: IL: Thomas.
- Eysenck, H.J. (1992). Four ways five factors are not basic. *Personality and Individual Differences* 13(8), 667–673.
- Fariborz Aref. (2011). Sense of community and participation for tourism development. *Life Science Journal* 2(1), 20-25.
- Getz, D. (1986). Models in tourism planning. *Tourism Management* 7(1), 21-32.

- Goldberg, L.R. (1981). *Language and individual differences: The search for universals in personality lexicon*. Dlm. Wheeler, L. (pnyt.). *Review of psychology and social personality*, hlm. 141-165. Beverly Hills: Sage Publications.
- Goldberg, L.R. (1982). *From ace to zombie: Some explorations in the language of personality*. Hillsdale, New Jersey: Erlbaum.
- Goldberg, L.R. (1990). An alternative description of personality: The Big-Five Factor structure. *Journal of Personality and Social Psychology* 59(6), 1216–1229.
- Goldberg, L.R. (1993). The structure of phenotypic personality traits. *American Psychologist* 48(1), 26–34.
- Goldberg, L.R., Johnson, J.A. & Eber, H.W. (2006). The international personality item pool and the future of public-domain personality measures. *Journal of Research in Personality* 40 (1), 84–96.
- Graziano, W.G. & Eisenberg, N. (1997). *Agreeableness: A dimension of personality*. San Diego, CA: Academic Press.
- Harms, P. (2012). An evaluation of the consequences of using short measures of the Big Five personality traits. *Journal of Personality and Social Psychology* 102, 874–888.
- Hettema, J.M., Neale, M.C., Myers, J.M., Prescott, C.A. & Kendler, K.S. (2006). A population-based twin study of the relationship between neuroticism and internalizing disorders. *American journal of Psychiatry* 163, 857–864.
- Hunt, R.W. & Lal Goel, M. (1980). *Unconventional political participation*. Dlm. Smith, D.H., Macaulay, J. & Associates (pnyt.). *Participation in social and political activities*, hlm. 133-152. New York: Asia Publishing House.
- Jabil Mapjabil, SitiAsma' Mohd Rosdi, Munir Shuib & Sharmini Abdullah. (2011). *Pembangunan program homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia: Profil, produk dan prospek*. *Geografia: Malaysia Journal of Society and Space* 7(2), 45-54.
- Jani, D. (2011). The influence of personality on tourist information behaviour. *e-Review of Tourism Research (eRTR)* 9(3), 88-95.
- JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung). (2013). *Gerakan Desa Wawasan 2012: Buku Profil Kampung*.
- Joshanloo, M. & Afshari, S. (2011). Big Five personality traits and self-esteem as predictors of life satisfaction in Iranian Muslim University students. *J. Happiness Stud.* 12, 105-113.
- Jung, C. (1995). *Memories, Dreams, Reflections*. London: Fontana Press.
- Kalsom Kayat & Nor Ashikin Mohd Nor. (2006). *Penglibatan ahli komuniti dalam program pembangunan komuniti: Satu kajian ke atas program homestay di Kedah*. *Akademika* 67, 77-102.
- Kementerian Pelancongan Malaysia. (2012). *Laporan Prestasi Program Homestay 2011*. Putrajaya: Kementerian Pelancongan Malaysia.
- Lal Goel, M. (1975). *Political participation in a developing nation: India*. New York: Asia Publishing House.
- Lal Goel, M. (1980). *Conventional political participation*. Dlm. Smith, D.H., Macaulay, J. & Associates (pnyt.). *Participation in social and political activities*, hlm. 108-132. New York: Asia Publishing House.
- Lal Goel, M. & Smith, D.H. (1980). *Political activities*. Dlm. Smith, D.H., Macaulay, J. & Associates (pnyt.). *Participation in social and political activities*, hlm. 76-83. New York: Asia Publishing House.

- Leung, R. & Law, R. (2010). A review of personality research in the tourism and hospitality context. *Journal of Travel & Tourism Marketing* 27, 439-459.
- Levy-Leboyer, C. (1982). *Psychology and environment*. Canter, D. & Griffiths, I. (terj.). Beverly Hills: SAGE Publications.
- Lodhi, P.H., Deo, S., & Belhekar, V.M. (2002). The Five-Factor Model of personality in Indian context: Measurement and correlates. Dlm. McCrae, R.R. & Allik, J. (pnyt.). *The Five-Factor Model of personality across cultures*, hlm. 227–248. N.Y.: Kluwer Academic Publisher.
- Matsumoto, D. & Juang, L. (2012). *Culture and psychology*. Edisi Kelima. Belmont, CA: Wadsworth-Cengage Learning.
- Matthews, G. & Deary, I.J. (1998). *Personality traits*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- McAdams, D.P. (1995). What do we know when we know a person? *Journal of Personality* 63(3), 365–396.
- McCrae, R.R. (2002). NEO-PI-R data from 36 cultures: Further Intercultural comparisons. Dlm. McCrae, R.R. & Alik, J. (pnyt.). *The Five-Factor Model of personality across cultures*, pp. 105–125. New York: Kluwer Academic Publisher.
- Melaka Hari Ini. (2011). Rencana pengarang: Homestay jana pendapatan rakyat. 12 Julai, hlm. 2.
- Mohamad Zaki Ahmad & Johan Afendi Ibrahim. (2011). Inap desa sebagai satu agen pembangunan sosioekonomi komuniti: Menelusuri perspektif pelajar-pelajar Pengurusan Pelancongan UUM. *Prosiding PERKEM VI*, hlm. 481 – 493.
- Mohd. Majid Konting. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taufik Zimri @ Zamri, Norzuwana Sumarjan & Suria Sulaiman. (2012). Personality traits and organizational commitment: Employees' perspective. Kertas kerja ini dibentangkan dalam 3rd International Conference on Business and Economic Research (3rd ICBER), 12-13 March, Golden Flower Hotel, Bandung, Indonesia.
- Mowforth, M. & Munt, I. (1998). *Tourism and sustainability: New tourism in the Third World*. London: Routledge.
- Murphy, P.E. (1985). *Tourism: A community approach*. London: Methuen.
- O'Connor, B. (2002). A quantitative review of the comprehensiveness of the Five-Factor Model in relation to popular personality inventories. *Assessment* 9(2), 188–203.
- O'Neill, J.W. & Xiao, Q. (2010). Effects of organizational/ occupational characteristics and personality traits on hotel manager emotional exhaustion. *International Journal of Hospitality Management* 29, 652-658.
- Pateman, C. (1970). *Participation and Democratic Theory*. London: Cambridge University Press.
- Paunonen, S.V. & Jackson, D.N. (2000). What is beyond the Big Five? *Plenty! Journal of Personality* 68, 821–835.
- Paunonen, S.V., Haddock, G., Forsterling, F. & Keinonen, M. (2003). Broad versus narrow personality measures and the prediction of behaviour across cultures. *European Journal of Personality* 17, 413–433.
- Pretty, J. (1995). *Regenerating agriculture: Policies and practices to sustainability and self reliance*. London: Earthscan.
- Rivers, P. (1998). Is being there enough? The effects of homestay placements on language gain during study abroad. *Foreign Language Annals* 31(4), 492–500.

- Rivers, W., McCrae, R.R. & John, O.P. (1992). An introduction to the Five-Factor Model and its applications. *Journal of Personality* 60(2), 175–215.
- Safal Ghimire & Bishnu Raj Upreti. (2011). Community participation for environment-friendly tourism: The avenue for local peace. *The Journal of Tourism and Peace Research* 2(1), 55-69.
- Saheb Zadeh & Nobaya Ahmad. (2010). Participation and community development. *Current Research Journal of Social Science* 2(1), 13-14.
- Sung, S.Y. & Choi, J.N. (2009). Do Big Five personality factors affect individual creativity? The moderating role of extrinsic motivation. *Social Behavior and Personality* 37(7), 941-956.
- Thompson, E.R. (2008). Development and validation of an international english Big-Five mini-markers. *Personality and Individual Differences* 45(6), 542–548.
- Timothy, D. (1999). Participatory planning: A view of tourism in Indonesia. *Annals of Tourism Research* 26(2), 371-391.
- Tok, S. (2011). The Big Five personality traits and risky sport participation. *Social Behavior and Personality* 39(8), 1105-1112.
- Tosun, C. (2000a). Limit to community participation in the tourism development process in developing countries. *Tourism Research* 21, 613-633.
- Tosun, C. (2000b). Limits to community participation in the tourism development process in developing countries. *Tourism Management* 21, 613-633.
- Trull, T.J. & Geary, D.C. (1997). Comparison of the big-five factor structure across samples of Chinese and American adults. *Journal of Personality Assessment* 69(2), 324–341.
- Tupes, E.C. & Christal, R.E. (1961). Recurrent personality factors based on trait ratings. Technical Report ASD-TR-61-97, Lackland Air Force Base, TX: Personnel Laboratory, Air Force Systems Command, 1961. *American Psychologist* 48(1), 26–34.
- Winnie, J.F. & Gittinger, J.W. (1973). An introduction to the personality assessment system. *Journal of Clinical Psychology* 38, 1-68.
- Young, C.A. & Corsun, D.L. (2008). What a nuisance: Controlling for negative affectivity versus personality in hospitality stress research. *International Journal of Hospitality Management* 28, 280-288.